

Headline	Pantau kesihatan bakal jemaah haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 May 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	40	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,093



Pantau kesihatan bakal jemaah haji



ABDUL Azeez (tengah) menyampaikan sumbangan kepada rakyat miskin, di Dewan Cakna Rakyat Kampung Tikat, semalam.

Kota Bharu: Tabung Haji (TH) bersama Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keadaan kesihatan bakal jemaah haji di negara ini berikutan penularan virus Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) yang berlaku di Arab Saudi.

Pengerusinya Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pihaknya akan memastikan bakal jemaah itu juga bebas penyakit berisiko seperti penyakit asma kerana lebih mudah dijangkiti MERS-CoV.

Katanya, buat masa ini,

Kementerian Kesihatan juga sentiasa mendapatkan perkembangan terkini berhubung perkara itu daripada kerajaan Arab Saudi.

"Kita memantau tahap kesihatan bakal jemaah haji negara ini supaya mereka yang dibenarkan menunaikan ibadat itu adalah sihat atau tidak ada penyakit berisiko antaranya asma kerana MERS-CoV mudah berjangkit," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Membara Seminar Usahawan Peringkat Parlimen Pengkalan Chepa, di Dewan Ba-

hagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), semalam.

Abdul Azeez berkata, setiap bakal jemaah haji juga akan melalui saringan kesihatan yang ketat dan pemeriksaan itu disediakan di semua hospital atau pusat kesihatan kerajaan.

Sementara itu, mengenai penipuan pakej umrah, Abdul Azeez menasihatkan orang ramai mendapatkan maklumat daripada TH terlebih dulu sebelum menggunakan perkhidmatan mana-mana ejen yang menawarkan pakej umrah.